

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH  
KOTA BHARU, KELANTAN

OLEH

SITI NORILYANI BT AB DULLAH  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

1100045599

Perpustakaan  
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 61 FPE 2 2006



1100045599

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Belia dan Sukan Daerah  
Kota Bharu, Kelantan / Siti Norilyani Ab.Dullah.

PERPUSTAKAAN

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

110045599

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT  
BELIA DAN SUKAN DAERAH KOTA BHARU,  
KELANTAN

OLEH:  
SITI NORILYANI BT AB.DULLAH  
(UK9945)  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN  
KEPADA:

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA  
(KUSTEM)

2006

1100045599

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **SITI NORILYANI BT AB.DULLAH**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Yang benar,



Nama : SITI NORILYANI BT AB.DULLAH

Tarikh : 17.10.2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim....

Assalamulaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Alhamdullilah, pelatih ingin panjatkan penuh kesyukuran ke hadrat llahi kerana dengan izin Nya , pelatih dapat menyempurnakan tugas dalam menjalani latihan industri di Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Kota Bharu. Pertama kalinya, jutaan terima kasih pelatih kepada Urusetia Program Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu Encik Shahrin Bin Said dan Puan Asmawati Binti Ngah kerana hasil usaha daripada mereka pelatih dapat menjalani Latihan Industri di jabatan ini. Di samping itu juga, tidak dilupa kepada Dr. Asyraf Bin Hj. Abdul Rahman yang banyak memberi tunjuk ajar serta sokongan kepada pelatih dalam menyiapkan latihan dan laporan industri ini.

Di sini juga, pelatih ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada En Wan Nawi B Wan Teh selaku Penyelia Industri, serta semua kakitangan di jabatan ini yang turut memberikan kerjasama dalam membantu menyiapkan latihan industri ini. Seterusnya, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga pelatih sendiri kerana telah banyak memberikan semangat dan sokongan moral sepanjang pelatih menjalani latihan industri di jabatan ini. Selain itu, tidak ketinggalan setinggi penghargaan kepada semua rakan seperjuangan dan pihak yang terlibat samaada secara langsung atau tidak sepanjang tempoh menjalani latihan industri di jabatan ini. Kerjasama yang dihulurkan oleh semua pihak diharapkan semoga mendapat balasan kebaikan dari Allah s.w.t jua.

Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>M/S</b>
1. Pengesahan Keaslian Laporan	i
2. Penghargaan	ii
3. Isi Kandungan	iii
4. Senarai Rajah	vii
5. Senarai Singkatan	viii
6. Senarai Lampiran	ix
7. Ringkasan Eksekutif	x

**BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI**

1.0 Pengenalan kepada Latihan Industri	1
1.1 Latarbelakang Organisasi	2
1.1.1 Visi	3
1.1.1 Misi	3
1.1.2 Matlamat	4
1.1.3 Objektif	4
1.1.4 Piagam Pelanggan	6
1.1.5 Peranan	7
1.1.6 Tanggungjawab	7
1.2 Profil Organisasi	8
1.2.1 Nama Syarikat	8
1.2.2 Alamat Pejabat	8
1.2.3 Carta Organisasi	9
1.3 Aktiviti organisasi	10
1.3.1 Cawangan dan Program-program	10
1.4 Kemahiran yang Dipelajari	18
1.4.1 Profil Projek	18
1.4.2 Buku Program	19
1.4.3 Mengurus Surat Menyurat	20
1.4.4 Sistem Komputer	20
1.4.5 Menyertai Aktiviti Luar Pejabat	20

1.5 Etika Kerja	21
1.5.1 Etika kerja Islam	22
1.6 Perkembangan Organisasi	23

## **BAB 2: HUBUNGAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DENGAN PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH KOTA BHARU**

2.0 Pengenalan	25
2.1 Fungsi Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Kota Bharu	25
2.1.1 Melahirkan belia yang kukuh dari aspek rohani	26
2.1.2 Melahirkan belia yang cergas	26
2.1.3 Melahirkan belia yang hidup berkumpulan	27
2.1.4 Melahirkan belia yang berilmu ekonomi	28
2.1.5 Melahirkan belia yang mahir dalam pelbagai bidang	28
2.1.6 Melahirkan belia yang bersatu padu	29
2.2 Kesimpulan	30

## **BAB 3: ANALISIS KAJIAN (SWOT)**

3.0 Pengenalan	32
3.1 Ringkasan Analisis SWOT	32
3.2 Kekuatan ( <i>STRENGTHS</i> )	33
3.2.1 Pemimpin Yang cekap	33
3.2.2 Perkhidmatan pelanggan yang memuaskan	35
3.2.3 Pekerja kontrak yang serba boleh	37
3.2.4 Peluang kepada pelajar menyertai LI	37
3.3 Kelemahan ( <i>WEAKNESS</i> )	38
3.3.1 Suasana pejabat	38
3.3.2 Akauntabiliti	39
3.3.3 Pengurusan masa yang tidak cekap	40
3.3.4 Kurang kerjasama	41
3.3.5 Kualiti Perkhidmatan Kurang Memuaskan	42
3.3.6 kakitangan yang telah lama berkhidmat	42
3.3.7 kekurangan tenaga kerja	43

3.4 Peluang ( <i>OPPORTUNITIES</i> )	43
3.4.1 Kursus-kursus bercorak motivasi	44
3.4.2 Program sahsiah	45
3.5 Ancaman ( <i>THREATS</i> )	46
3.5.1 Perubahan kepimpinan	46
3.5.2 Persekuturan organisasi	47
3.5.3 Tekanan kerja	47

## BAB 4: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

4.0 Mengesan Sistem Sedia Ada	49
4.1 Sistem pengurusan fail	49
4.1.1 Masalah yang dikenalpasti terhadap sistem	50
4.1.2 Cadangan penyelesaian	51
4.1.3 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	51
4.2 Sistem Buku Rekod	52
4.2.1 Masalah yang dikenalpasti terhadap sistem	52
4.2.1 Cadangan penyelesaian	53
4.2.2 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	53
4.3 Sistem Kaunter Pertanyaan	54
4.3.1 Masalah yang dikenalpasti terhadap sistem	55
4.3.2 Cadangan penyelesaian	55
4.3.3 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	56
4.4 Sistem Pengkomputeran	56
4.4.1 Masalah yang dikenalpasti terhadap sistem	57
4.4.2 Cadangan penyelesaian	57
4.4.3 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	58
4.5 Cadangan Untuk Organisasi	58
4.5.1 Menambah bilangan kakitangan	58
4.5.2 Memberi Latihan Intensif Kepada Kakitangan Dan Pegawai	59
4.5.3 Mengubahsuai Suasana Di Tempat Kerja	60
4.5.4 Memperbanyak Aktiviti Bersama	61
4.5.5 Kerjasama Daripada Semua Kakitangan	62
4.5.6 Pandangan Daripada Orang Ramai	62

<b>BAB 5: RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	63
<b>BIBLIOGRAFI</b>	66
<b>LAMPIRAN</b>	67

**SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Peta Daerah Kota Bharu	3
Rajah 1.2	Carta Organisasi	9
Rajah 1.3	Statistik Belia Yang Mengikuti Kursus Dalam Setiap Bidang	28
Rajah 1.4	Cadangan Carta Organisasi	59

## **SENARAI SINGKATAN**

DUN	- Dewan Undangan Negeri
EKI	- Etika Kerja Islam
JAKIM	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
OKU	- Orang Kurang Upaya
PBSDKB	- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Bharu
PJDR	- Program Jati Diri Remaja
SKT	- Sasaran Kerja Tahunan
TOT	- <i>Training Of Trainer</i>
NFC	- <i>National Fitness Council</i>
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
Lampiran 1	Contoh Aktiviti sukan
Lampiran 2	Profil Projek
Lampiran 3	Buku Program
Lampiran 4	Senarai Statistik Persatuan Belia
Lampiran 5	Borang Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
Lampiran 6	Borang Pendaftaran Sukarelawan Rakan Muda
Lampiran 7	Borang Permohonan Bantuan
Lampiran 8	Borang Pendaftaran Peserta
Lampiran 9	Borang Maklumat Belia

## RINGKASAN EKSEKUTIF:

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu sebanyak 6 jam kredit. Ini bermakna Latihan Industri merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan KUSTEM sebelum bergraduat dan dianugerahkan Ijazah. Tujuan latihan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang didapati sepanjang tempoh menjalani Latihan Industri. Ini juga lebih membantu dalam menyesuaikan diri di organisasi dan persekitarannya samada menjalani Latihan Industri di jabatan swasta, badan berkanun ataupun agensi kerajaan.

Disamping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri setiap individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberi pengalaman kepada pelajar khususnya dalam merasai suasana di alam pekerjaan yang akan dialami kelak. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya kerja dan sebagainya yang melibatkan elemen-elemen di alam pekerjaan. Selain itu, Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kota Bharu selama 12 minggu bermula dari 17 April 2006 hingga 09 Julai 2006 dan telah ditempatkan di Unit Rakan Muda di bawah seliaan En Wan Nawi b. Wan Teh.

Sebagai seorang pelatih yang berada di sini, pelbagai kemahiran telah dipelajari dalam beberapa sistem yang sedia ada antaranya ialah sistem pengurusan fail, sistem kaunter, sistem pengkomputeran dan sistem buku rekod, Namun begitu, walaupun terdapat banyak sistem diamalkan di Jabatan ini, pelatih juga dapat mengenalpasti beberapa masalah iaitu masalah dalam sistem pengurusan fail, masalah disiplin kakitangan berkenaan sistem buku rekod, masalah sistem komputer dan masalah dalam sistem kaunter. Bagi mengatasi masalah terus berleluasa di dalam organisasi terdapat beberapa cara mengatasi masalah sistem ini serta perlaksanaannya. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk organisasi menambahkan bilangan kakitangan, memberi latihan intensif kepada kakitangan dan pegawai, mengubahsuai suasana di tempat kerja, memperbanyak aktiviti secara bersama, kerjasama daripada semua kakitangan dan pandangan daripada orang ramai. Cadangan-cadangan yang dibuat adalah sebagai langkah untuk mengatasi masalah dalam organisasi daripada terus berleluasa.